

1980

KUALA LUMPUR, 6 SEPT. (BERNAMA) — KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN MENAMBAH KEPADA \$20 JUTA PERUNTUKAN TABUNG PUSINGAN BAGI RUMAH HARGA RENDAH DI TIAP-TIAP NEGERI UNTUK MEMESATKAN PEMBINAAN RUMAH-RUMAH SEPERTI ITU.

PERUNTUKAN BAGI TIAP-TIAP NEGERI SEKARANG BERJUMLAH \$5 JUTA DAN TAMBAHAN ITU BERMAKNA KERAJAAN TERPAKSA MENGELUARKAN SEJUMLAH \$260 JUTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGUMUMKAN DEMIKIAN HARI INI BERKATA BUTIR-BUTIR MENGENAI TAMBAHAN ITU AKAN DIUMUMKAN DALAM BELANJAWAN 1981 NANTI.

BELANJAWAN TAHUN DEPAN AKAN DIBENTANGKAN OLEH MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, DI SIDANG PARLIMEN MULAI BULAN DEPAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SEMASA RIHAT MINUM TEH SETELAH MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KEDUA MAJLIS KEWANGAN NEGARA DI KHAZANAH NEGARA DI SINI. — BERSAMBUNG 1257/YF

B523

MAJLIS - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MENAMBAH PERUNTUKAN ITU JIKA DIDAPATI MASIH TIDAK MENCUKUPI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA DI SAMPING TAMBAHAN PERUNTUKAN BAGI TABUNG PUSINGAN ITU, KERAJAAN TELAH BERSETUJU UNTUK MENGAJAI SYARAT-SYARAT PINJAMANNYA KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI.

"KATANYA, KERAJAAN TELAH BERSETUJU DENGAN PERKARA INI KERANA KAMI BERPENDAPAT DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU, TERUTAMA BAGI PROJEK-PROJEK YANG BERTUJUAN UNTUK MENCHAPUSKAN KEMISKINAN, KADAR FAEDAH YANG RENDAH PERLULAH DIKENAKAN."

DI SAMPING ITU, KERAJAAN JUGA AKAN MENIMBANGKAN MEMBERI PERUNTUKAN BAGI PEMBANGUNAN DI NEGERI-NEGERI YANG "KEKURANGAN WANG".

BEBERAPA BUAH NEGERI TELAH MEMINTA DIADAKAN PERUNTUKAN ITU DALAM MESYUARAT TERSEBUT.

—BERSAMBUNG HM 1307

B524

MAJLIS - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI MESYUARAT ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PELAKSANAAN KEPUTUSAN-KEPUSUTAN YANG DIAMBIL DALAM MESYUARAT MAJLIS YANG PERTAMA FEBRUARI LALU TELAH DIKAJI DALAM MESYUARAT KALI INI.

MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI TELAH MENYUARAKAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI BERHUBUNG DENGAN KEDUDUKAN KEWANGAN PENTADBIRAN NEREKA.

SATU MASALAH BESAR YANG DITIMBULKAN IALAH KEKURANGAN PERUNTUKAN BAGI PROJEK PEMBINAAN JALAN DAN PARIT DAN JAL BADAN MANA YANG HARUS BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PERKARA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBUAH AWATANKUASA TELAH DIBENTUK BAGI MENGAJAI DAN MENGATASI MASALAH ITU.

TENGGU RAZALEIGH TELAH MEMBERI TAKLIMAT MENGENAI KEDUDUKAN EKONOMI DAN KEWANGAN NEGARA DAN "ARAH BELANJAWAN 1981" KEPADA MAJLIS ITU.

—BERNAMA HM 1327

15